

400 jemaah B40 tolak bantuan bersasar TH

Penolakan atas kemampuan, memberi laluan kepada lebih memerlukan

Oleh Mahaizura Abd Malik
ahnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Seramai 400 jemaah B40 yang layak terima bantuan bersasar menunaikan haji tahun ini, menolak tawaran itu atas faktor kemampuan menunaikan Rukun Islam kelima itu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar, berkata mereka mengambil inisiatif itu bagi memberi laluan kepada jemaah lain yang lebih memerlukan.

"Mereka menolak subsidi itu sebaliknya serahkan bahagian mereka kepada jemaah lain lebih layak.

"Saya ucapkan terima kasih kepada golongan ini kerana membuat keputusan tidak terima subsidi demi manfaat penerima lain.

"Ini sedikit sebanyak membantu Lembaga Tabung Haji (TH) menyalurkan bantuan kepada benar-benar memerlukan," katanya selepas Program Santun Kasih Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) di Perumahan Awam Sri Kota, Bandar Tun Razak, di sini, semalam.

Beliau berkata demikian bagi mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim kelmarin, berhubung langkah kerajaan bersedia menyusun semula pemberian subsidi yang disifatkan sebagai tidak munasabah kerana turut dinikmati golongan kaya dan rakyat asing.

Anwar dilaporkan berkata, pelaksanaan rasionalisasi subsidi penting bagi memastikan kewangan negara dapat terus diuruskan secara berhemah tanpa menambah hutang baharu kepada negara.

Bantuan kecualikan T20

Mengulas lanjut, Mohd Na'im berkata, Lembaga Tabung Haji (TH) sudah melaksanakan bantuan kewangan haji secara bersasar dengan mengecualikan jemaah T20 pada Musim Haji 1444H/2023M, Mei lalu.

Katanya, pelaksanaan bantuan haji bersasar itu berbeza daripada tahun terdahulu iaitu dipecahkan kepada tiga kelompok membabitkan B40, M40 dan T20.

"Ada kategori jemaah T20, mereka memang tak dapat subsidi dan perlu bayar penuh kos menunaikan haji. Ini memang sudah kita laksanakan (musim haji tahun ini)," katanya.

Tahun ini, TH meneruskan bantuan kewangan bersasar walaupun kos ibadah haji meningkat sehingga RM30,850 bagi seorang jemaah dengan menyediakan lebih RM400 juta bagi menampung sebahagian daripada kos jemaah



Mohd Na'im menyerahkan cenderamata penghargaan kepada wakil agensi ketika Majlis Kesyukuran Tamat Operasi Haji dan Penghargaan Sahabat Korporat TH di Kuala Lumpur, semalam. (Foto Aziah Azmee/BH)

haji kumpulan B40 dan M40 yang kali pertama menunaikan ibadat itu.

Jemaah B40 sepatutnya perlu membayar RM11,980 dan RM15,980 bagi kumpulan M40, manakala T20 berpendapatan lebih RM15,000 sebulan perlu menanggung kos haji sepenuhnya.

Bagaimanapun, kerajaan menanggung kenaikan kos haji sebanyak RM1,000 bagi kumpulan B40 yang menyaksikan mereka hanya perlu membayar RM10,980, iaitu kadar sama tahun lalu.

Sementara itu, Mohd Na'im berkata, bantuan Keperluan Asasi Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) akan dinaik-

kan daripada RM150 kepada RM300 bermula tahun depan bagi meringankan beban golongan sasar selaras keadaan semasa termasuk peningkatan harga barangan.

"Ia membabitkan RM108 juta setahun dengan kenaikan peruntukan sekali ganda berbanding tahun sebelumnya. Kerajaan memahami kesulitan dialami golongan penerima yang turut terkesan dengan situasi semasa," katanya.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, seramai 21,898 asnaf di Kuala Lumpur menerima bantuan keperluan asasi RM150 sebulan yang dikreditkan melalui e-wallet sejak dilancarkan Januari tahun lalu.